



UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

**TOK BALI BAKAL MENJADI HUB PERIKANAN LAUT DALAM
MENJELANG TAHUN 2020**

PASIR PUTEH, 26 Mac 2017 – Pelabuhan Tok Bali berpotensi muncul sebagai hub perikanan laut dalam yang utama di rantau ini menjelang tahun 2020, sekiranya usahasama antara pihak kerajaan dan pengusaha terus diperkukuhkan.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, potensi ini jelas dilihat apabila pendaratan ikan di negeri Kelantan mencatatkan peningkatan lebih tiga kali ganda dalam tiga tahun, daripada 62,238 tan metrik pada 2014 kepada 218,800 tan metrik pada 2016.

90% daripada pendaratan ikan negeri Kelantan adalah menerusi pelabuhan Tok Bali.

“Hampir 150,000 tan metrik iaitu 40 peratus pendaratan ikan laut dalam Malaysia adalah disumbangkan dari negeri Kelantan. Bilangan vesel laut dalam negeri ini juga adalah yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain, iaitu sebanyak 347 vesel laut dalam dari 1,253 buah vessel di seluruh Malaysia,” ujar Ahmad Shabery ketika ditemui pemberita di majlis bersama nelayan di Pelabuhan Perikanan Tok Bali di sini hari ini.

Tambahnya lagi, kemampuan pelabuhan Tok Bali yang mempunyai kemudahan yang baik turut mampu menyumbang kepada potensinya sebagai hub serantau.

Kementerian mencadangkan penambahan kilang ais dan bilik sejuk bagi menampung isu kekurangan bekalan ikan semasa musim tengkujuh dan semasa ikan bergerak ke kawasan lain di perairan serantau.

“Bagi memenuhi hasrat jaminan bekalan ikan yang mapan, model perniagaan melalui Persatuan Nelayan (PN) yang mengambilkira keperluan infrastruktur di seluruh rantai nilai dari ikan mula didaratkan sehingga sampai ke pengguna perlu diperkukuhkan,” jelas Ahmad Shabery.

Pembinaan keretapi laju pantai timur (ECRL) dan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) bakal menjadikan kawasan Tok Bali sebagai *exit point* kepada kedua-dua projek tersebut. Di samping itu, pembinaan tapak kilang pemprosesan dan prasarana industri asas tani di Tok Bali di bawah seliaan ECER dan LKIM juga dijangka akan menyumbangkan kepada pendaratan ikan di negeri Kelantan.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri Semerak Datuk Zawawi Othman dan Ketua Pengarah Perikanan Datuk Ismail Abu Hassan.

Semasa majlis yang sama, wakil nelayan turut menyatakan penghargaan kepada Kerajaan atas keputusan untuk menanggungkan pelaksanaan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi kru asing yang bekerja di atas vesel tempatan, sebagai respon kepada permohonan mereka sebelum ini.

Ahmad Shabery berharap penangguhan ini, yang merupakan satu langkah sementara, akan membolehkan pihak pengusaha lebih bersedia apabila ianya dilaksanakan sepenuhnya kelak.

Menurutnya lagi, ruang ini juga patut diambil oleh pengusaha perikanan laut dalam untuk terus meningkatkan hasil pendaratan mereka supaya industri ini dapat terus diperkukuhkan.

Terdahulu Ahmad Shabery menyampaikan 50 surat kelulusan lesen Pukat Suluh Bilis, 45 sijil alat *Automatic Identification System-AIS*, 50 unit tong insulasi, 40 unit GPS, 150 unit pukat hanyut dan 160 unit pelampung keselamatan kepada nelayan-nelayan bagi daerah Pasir Puteh, Tumpat, Kota Bharu dan Bachok.

Selain itu, pihak Kerajaan juga membantu nelayan untuk membina unjam di perairan Negeri Kelantan yang memberi manfaat kepada 3,436 orang nelayan pantai di negeri ini. Unjam-unjam ini digunakan sebagai unjam rekreasi untuk menjana pendapatan nelayan pantai dan juga kawasan perlindungan dan pembiakan spesies ikan tertentu. Justeru itu, nelayan-nelayan perlu melakukan pemantauan unjam-unjam ini secara berkala, ujar beliau.

####

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Perikanan Malaysia

No Tel Pejabat : 03 – 8870 4234

No Faks : 03 – 8881 0343